

Wadah

MAIPk

**EDISI 2
2021
BILANGAN
39
EDARAN
PERCUMA**

جَمِيعَ أَكْمَانِ إِسْلَامِ
دانِ عَادَتْ مَالِيُّونَ ثُمَّ ارَّى



**LAPAN AGENSI SERAH ZAKAT
PERNIAGAAN BERJUMLAH
RM14.43 JUTA**



**MAIPk SALUR DANA KHAS
BANTUAN SEMASA PKP 3.0
DI NEGERI PERAK DARUL
RIDZUAN BERJUMLAH
RM14.61 JUTA**



**PENERIMA SKIM BIASISWA PELAJARAN
BAITULMAL MAIPk CEMERLANG SPM 2020**



LAPAN AGENSI SERAH ZAKAT PERNIAGAAN BERJUMLAH RM14.43 JUTA



IPOH, 7 Mei 2021 – Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menerima zakat perniagaan daripada 8 agensi korporat yang bernilai RM14,435,071.94 di Istana Kinta.

Serahan zakat tersebut diwakili oleh Pengarah Tabung Haji Negeri Perak, Tuan Haji Mohamad bin Abas, Pengurus Besar Lembaga Air Perak, Dato Haji Ishak bin Abd Rahman, Pengurus Besar Puncak Emas Infra Sdn Bhd Ir. Saiful Azzuan bin Aznam, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri Perak YB. Dato Haji Sham bin Mat Sahat, Pengerusi Koperasi Perladangan Kawasan Bagan Datoh Perak Berhad, Tuan Haji Salleh Hudin bin Kamarudin, Pengurus Hal Ehwal Korporat Belati Wangsa (M) Sdn Bhd, Encik Shahrizal bin Kamarulzaman, Pengarah Serantau Maybank Islamic Berhad, Datin Munirah binti Che Rose serta Pengurus Besar Regulatory & Strategy Telekom Malaysia Berhad, Tuan Haji Badrul Hisham bin Bahari.

Semasa majlis berkenaan, Lembaga Tabung Haji menjadi agensi tertinggi membuat pembayaran zakat perniagaan bagi tahun kewangan berakhir 2020 iaitu sebanyak RM7,036,598.40. Ini diikuti Lembaga Air Perak RM4,603,000.00, Puncak Emas Infra Sdn Bhd RM800,203.52 dan Pertubuhan Peladang Negeri Perak RM692,046.00. Seterusnya ialah Koperasi Perladangan Kawasan Bagan Datoh Perak Berhad RM494,467.00, Belati Wangsa (M) Sdn.

Bhd. RM302,000.00, Maybank Islamic Berhad RM295,695.02 dan Telekom Malaysia Berhad RM211.062.00.

Majlis ini turut dihadiri oleh YABhg. Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja YABhg. Jen. (B) Dato' Seri Diraja Tan Sri Mohd Zahidi bin Haji Zainuddin, Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, YABhg. Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini dan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk iaitu YBrs. Shahru Azam bin Shaari. Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk berkata, syarikat yang membayar zakat perniagaan akan dapat mengukuhkan reputasi mereka dengan pelanggan masing-masing malah memenuhi tuntutan 'stakeholder' muslim setiap syarikat.

Katanya lagi, "semasa kita sedang berada dalam persekitaran yang amat mencabar sekarang, syarikat korporat bukan sahaja perlu bersaing untuk menyediakan perkhidmatan yang cekap serta mengeluarkan produk yang berkualiti tetapi juga perlu bersama menonjolkan sikap kepedulian terhadap mereka yang memerlukan melalui pengagihankekayaan zakat syarikat bagi membantu sosio ekonomi masyarakat," katanya. Majlis ini telah berlangsung secara ringkas namun ia dijalankan dengan penuh istiadat dan pematuhan SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

RM14.6 JUTA DANA KHAS BANTUAN SEMASA PKP 3.0

IPOH, 10 Jun 2021 – Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, memperkenankan dana khas Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) berjumlah RM14.6 juta untuk tujuan membantu rakyat semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Dana khas itu bertujuan membantu mereka yang terjejas, susulan sekatan yang dikenakan di bawah PKP 3.0 terutama dalam kalangan asnaf, fakir, miskin dan mereka yang tidak berpendapatan.

Dana Khas Ini Bertujuan Membentuk Keperluan-Keperluan Berikut :

1 | RM 10,900,000.00

Bantuan Kecemasan Kelangsungan Hidup

Untuk ketua isi rumah (KIR) dan penerima bantuan kewangan bulanan MAIPk yang terjejas sumber pendapatan kerana diberhentikan kerja, tidak dapat menjalankan perniagaan, diberi cuti tanpa gaji kerana majikan menghentikan operasi atau atas sebab-sebab lain yang munasabah.

6 | RM 400,000.00

Bantuan Operasi Pusat-Pusat Jagaan Anak Yatim, Orang Tua Dan Warga Emas

Bantuan operasi pusat-pusat jagaan anak yatim, orang tua dan warga emas.

2 | RM 606,000.00

Tajaan Peralatan Kesihatan dan Perubatan

Berbentuk tajaan peralatan rawatan dan perubatan yang diperlukan segera oleh Jabatan Kesihatan Perak bagi kegunaan petugas medan di barisan hadapan

7 | RM 200,000.00

Tajaan Bekalan Makanan Institusi Pendidikan

Disediakan rizab untuk mahasiswa / mahasiswi di institusi pengajian tinggi dan pelajar-pelajar di sekolah / maahad tahfiz di negeri Perak yang perlu menginap di tempat pengajian semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

3 | RM 400,000.00

Sumbangan Untuk Petugas Barisan Hadapan Covid-19

Disalurkan melalui agensi-agensi berkaitan untuk keperluan kebajikan petugas-petugas barisan hadapan.

8 | RM 200,000.00

Sumbangan ke Pusat Gelandangan Sementara

Sumbangan ke Pusat Gelandangan Sementara di bawah Kendalian Kerajaan Negeri Perak. Membentuk keperluan asas penjagaan diri dalam bentuk alat kebersihan dan kesihatan, bahan ubatan serta makanan tambahan, semasa individu berada di pusat gelandangan.

4 | RM 1,500,000.00

Bantuan Paket Tablet Dan Data Internet

Bantuan paket tablet dan data Internet untuk menjalankan aktiviti perniagaan secara atas talian dan pelajar sekolah. Pemberian tablet dan data internet kepada usahawan daripada kalangan asnaf untuk menjalankan perniagaan secara atas talian; juga kepada pelajar tingkatan 5 daripada kalangan ketua isi rumah fakir-miskin.

9 | RM 200,000.00

Program Vaksinasi Covid-19 MAIPk

Disediakan rizab untuk membentuk belanja vaksinasi kepada kumpulan yang dikenal pasti perlu disegerakan mendapat vaksinasi.

5 | RM 200,000.00

Bantuan Kebajikan Pelajar Luar Negara

Untuk mahasiswa/mahasiswi Negeri Perak yang sedang berada di luar negara (Mesir, Jordan, Indonesia dan lain-lain negara).

10 | RM 148,000.00

Pengecualian Bayaran Sewa Dan Pajakan Hartanah Wakaf

MAIPk turut memberikan pengecualian bayaran sewa dan pajakan hartaan wakaf berjumlah **RM98,000.00** dan hartaan baitulmal berjumlah **RM50,000.00** di premis dan tapak perniagaan MAIPk bagi bulan Jun 2021. MAIPk akan mengkaji tempoh pengecualian bayaran sewa dan pajakan, tertakluk sama ada tempoh PKP 3.0 akan dilanjutkan.

MAIPk AGIH 2000 TABLET, DATA INTERNET KEPADА PELAJAR MISKIN

IPOH, 16 Julai 2021 – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengedarkan bantuan pakej tablet dan data internet kepada 2,000 orang pelajar tingkatan lima dari keluarga asnaf fakir miskin bernilai **RM1,200,000.00** mulai 12 Julai 2021 di seluruh negeri Perak. Tablet berserta pakej internet secara percuma selama enam bulan diagihkan secara terus kepada pelajar melalui pejabat-pejabat cawangan MAIPk di negeri Perak dengan kerjasama pejabat Orang Besar Jajahan daerah. Inisiatif bantuan dan kemudahan tablet dan data internet ini bertujuan membantu para pelajar mengikut sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) dengan lebih berkesan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Shahrul Azam bin Shaari, bantuan tablet dan data internet ini merupakan salah satu dari sembilan jenis bantuan yang telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah yang telah menitahkan agar (MAIPk) menyediakan dana khas bantuan kepada golongan yang terkesan susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 3.0) terutama dari kalangan asnaf fakir miskin pada 10 Jun 2021 yang lalu.

MAIPk telah menggariskan beberapa bantuan yang dijangka dapat memberi manfaat kepada golongan yang terjejas. Antara bantuan yang telah selesai disampaikan adalah seperti, sumbangan kepada 25 buah pusat jagaan anak yatim bernilai **RM308,000.00** bagi membantu pengoperasian pusat-pusat

jagaan anak yatim yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat serta bantuan tajaan bekalan makanan institusi pendidikan bernilai **RM200,000.00** sebagai rizab untuk mahasiswa / mahasiswi di institusi pengajian tinggi di negeri Perak yang perlu menginap di tempat pengajian semasa tempoh PKP. Selain itu, MAIPk juga telah menyerahkan sumbangan kepada lima buah pusat jagaan warga emas dan orang kelainan upaya bernilai **RM49,600.00** untuk membantu operasi pusat jagaan warga emas dan orang kelainan upaya yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

MAIPk mensasarkan penyerahan bantuan ini dapat meringankan beban yang ditanggung oleh golongan yang terjejas. MAIPk juga mengajak masyarakat Islam terus menyokong MAIPk dan menunaikan ibadah zakat agar dana zakat sentiasa mencukupi untuk menampung keperluan asnaf di negeri Perak. Tambah Shahrul Azam juga, MAIPk sentiasa komited dan cakna terhadap kesukaran yang dihadapi rakyat terutama dikalangan asnaf fakir miskin. Di tengah-tengah keprihatinan masyarakat Islam untuk membantu golongan yang terjejas semasa tempoh PKP, kita juga amat mengharapkan umat Islam tidak lupa terhadap kewajipan menunaikan ibadah zakat yang wajib, melalui zakat ramai asnaf telah terbukti dapat dibantu bukan sahaja untuk memenuhi keperluan sehari-hari asnaf tetapi turut membantu mereka dalam bidang pendidikan, perubatan dan sebagainya, katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan.



PENERIMA SKIM CEMERLANG SPM 2020

BANTUAN BIASISWA PELAJARAN BAITULMAL MAIPk LAHIR PELAJAR BERKUALITI

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada 88 penerima Skim Bantuan Biasiswa Pelajaran Baitulmal MAIPk yang telah berjaya memperolehi keputusan cemerlang pada peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 2020.

Secara keseluruhan, seramai 280 pelajar SPM 2020 telah menerima manfaat melalui skim bantuan ini dengan jumlah sebanyak RM280,000 iaitu RM1,000 setahun bagi setiap penerima.

Skim Bantuan Biasiswa Pelajaran Baitulmal ini mula diperkenalkan pada tahun 2012 dan sehingga tahun 2021, MAIPk telah menyalurkan kepada seramai 1,050 orang pelajar. Daripada jumlah itu, seramai 509 pelajar yang mendapat manfaat daripada skim ini telah pun menamatkan pelajaran, manakala 541 pelajar lagi berada dalam tanggungan semasa skim ini.

MAIPk mengharapkan melalui saluran dana zakat oleh pembayar zakat (muzakki), lebih ramai lagi anak-anak asnaf dapat meningkatkan taraf pendidikan mereka

sekaligus berjaya membawa perubahan dalam keluarga dengan cemerlang.

Bagi pihak MAIPk, para muzakki perlu tahu bahawa Skim Bantuan Biasiswa Pelajaran Baitulmal ini merupakan satu lagi cabang aliran wang zakat mereka yang terbukti berjaya melahirkan ramai pelajar cemerlang.

MAIPk memerlukan dana yang besar setiap tahun untuk menampung keperluan skim berkenaan bagi melengkapi keperluan pendidikan dan masa depan anak-anak negeri Perak.

JUMLAH PELAJAR CEMERLANG :

12A - 2 orang	8A - 19 orang
11A - 1 orang	7A - 16 orang
10A - 4 orang	6A - 34 orang
9A - 12 orang	





PROGRAM JEJAK ASNAF DAERAH KUALA KANGSAR

KUALA KANGSAR, 4 Mei 2021 - Pihak MAIPk terus memperkasakan program jejak asnaf di daerah Kuala Kangsar dengan menyantuni empat buah keluarga di RPA 5 Jalan Sultan Iskandar, Jerlun, Kg. Kuala Sayong Hilir, Kota Lama Kanan dan Kota Lama Kiri. Program jejak asnaf tersebut telah diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Tuan Shahru Azam bin Shaari dan turut disertai oleh anggota MAIPk, Wan Mohammad Afiq bin Wan Aris Fathillah, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk (Pembangunan) Puan Wan Maizura binti Wan Zahari, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, A.F Ustaz Bakri bin Lee, dan Pegawai Baitulmal Daerah Kuala Kangsar, Encik Mohamad Hafizi bin Mohamah Nor.

Setiap rumah yang dikunjungi, pihak MAIPk telah menyalurkan bantuan berbentuk kewangan dan barang dapur bagi kegunaan dan perbelanjaan mereka. Hasil kunjungan yang dijalankan, pelbagai jenis bantuan telah dipertimbangkan oleh pihak MAIPk seperti bantuan baik pulih rumah, bantuan bulanan, bantuan sewa rumah, bantuan kerusi roda dan bantuan perubatan. Ribuan terima kasih diucapkan kepada pembayar zakat negeri Perak. Semoga hasil sumbangan ini menjadi bekalan pada hari akhirat kelak serta dilimpahi rezeki yang berpanjangan.



MAIPk - JPJ PERAK SANTUNI ASNAF DALAM PROGRAM KONGSI REZEKI



IPOH, 5 Mei 2021 - Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Perak telah mengadakan satu Program Kongsi Rezeki dengan menziarahi asnaf dan menyerahkan sumbangan untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri. Program Kongsi Rezeki telah dilaksanakan serentak di tujuh buah daerah. Sebanyak 35 buah keluarga disantuni dalam program ini dengan daerah Kinta sebanyak 10 buah keluarga, Teluk Intan 5 buah keluarga, Gerik 5 buah keluarga, Manjung 5 buah keluarga, Taiping 5 buah keluarga, Tapah 3 buah keluarga dan Kuala Kangsar 2 buah keluarga.

Bagi program di peringkat ibu pejabat yang diadakan di daerah Kinta turut dijajakan bersama Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Perak, Tuan Mohammad Yusof bin Abustan dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Tuan Shahru Azam bin Shaari bersama beberapa orang pegawai JPJ dan MAIPk yang lain. Ketika sesi ziarah dijalankan, pihak JPJ Perak menyalurkan Bantuan Kotak Makanan dan Kotak Aidilfitri serta beras manakala pihak MAIPk memberikan sumbangan wang tunai serta duit raya kepada setiap keluarga yang dikunjungi.

Senyuman kegembiraan jelas terpancar pada setiap riak wajah asnaf yang dilawati sepanjang hari ini. Dengan bantuan dan sumbangan yang diterima dapatlah membantu mereka membuat persiapan bagi menyambut Aidilfitri tidak lama lagi. Alhamdulillah pelaksanaan program berjalan lancar di semua daerah dengan pelbagai coretan kisah keperitan hidup turut dikongsikan bersama kepada rombongan yang berkunjung.

Semoga program kolaborasi seperti ini dapat diteruskan bersama agensi-agensi lain agar tanggungjawab bagi menyantuni isu-isu kemiskinan masyarakat dapat dipikul bersama-sama oleh semua pihak. Terima kasih kepada semua pembayar zakat dan pihak yang telah memberi infak kepada Program Kongsi Rezeki ini. "Kalian Adalah Wira Asnaf Sebenar".

Program **WORLD QURAN HOUR** PERINGKAT AGENSI AGAMA ISLAM NEGERI PERAK



IPOH, 6 Mei 2021 - World Quran Hour Peringkat Agensi Agama Islam Negeri Perak berjaya menghimpunkan seramai 52 peserta daripada pelbagai jabatan yang terlibat dalam pengajuran julung kali melibatkan agensi agama Islam di Kompleks Islam Darul Ridzuan. Bertemakan 'Bangsa Berbudi dan Penyayang' program ini dimulakan dengan alunan Asmaul Husna diikuti bacaan Surah Al-Fatiha dan Bacaan Surah Al-Mulk kemudian diperdengarkan secara bergilir-gilir oleh setiap wakil jabatan yang terlibat dengan diselangi terjemahan dan mentadabbur keseluruhan 30 ayat Surah Al-Mulk. Surah Al-Mulk yang bermaksud kerajaan menjadi surah pilihan dan tema bagi World Quran Hour tahun ini dalam membina karakter orang berjaya di dunia dan akhirat. Dengan menghayati surah Al-Mulk, adalah diharapkan dapat membina kekuatan kerajaan di dalam diri, keluarga, organisasi dan komuniti dalam negara.

Hadir sama pada program tersebut, Pengarah Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk), Datuk Mohd Yusop Husin; Ketua Jabatan Kehakiman Syariah Perak, Ab Rahman Thobroni Mohd Mansur, Pengarah Jabatan Pendakwaan Syariah Perak, Mohd Asri Ghazali, Timbalan Mufti Perak, Datuk Zamri Hashim, Pengurus Besar Bahagian Khidmat Pengurusan, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk), Encik Rohizan Omar dan Pengurus Besar Bahagian Encik Ahmad Nazim Md Tajuri. Inisiatif World Quran Hour adalah wadah permulaan memupuk pembudayaan Al-Quran dalam kehidupan sama ada daripada segi bacaan, penghayatan dan amalan.



SALAM TAKZIAH DARI SELURUH WARGA AGENSI AGAMA ISLAM NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِحُونَ



ALFATIHAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
مُلَكِ الْيَوْمِ الدِّينِ إِلَيْكَ نَعْبُدُ وَإِلَيْكَ نَسْتَعِينُ
إِهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْهَى
عَلَيْنَا مِنْ عَبْدِكَ غُصْنُوْعَ عَلَيْنَا مَوْلَانَنَّا

Ya Allah kami memohon kepada Mu agar Engku mengampuninya, merahmatinya, memuliakannya dan menerima segala amal kebaikannya. Jua kami mohon Ya Allah Engku jadiikanlah syurga sebagai tempat tinggal yang kekal abadi buat insan yang kami hasilhi ini. Dan terpalarkanlah rohnya di kalangan orang yang beriman.

Amin Ya Rabb Al'Alamin

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. HARUSSANI BIN HJ. ZAKARIA
1939 - 2021

Utusan Malaysia 31 Mei 2021 BELASUNGKAWA

Harussani ulama tegas, dihormati

Oleh SAYED HESHAM IDRIS

MUFTI Perak, Tan Sri Harussani Zakaria menghembuskan nafas terakhirnya pada kira-kira 2.45 petang semalam setelah dinawati di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh kerana positif Covid-19.

Beliau menghabiskan nafas yang terakhir pada usia 82 tahun, paling lama menjawat jawatan Mufti Perak iaitu sejak 1985.

Berasal dari Tanjung Pinang, Parti Runtar, beliau mendirikan rumah tangga dengan Datuk Seri Anion Abdul Ghani dan memiliki empat orang.

Pemerintah beliau dikehingganan arsat bantuan untuk menyatakan Islam dan negara.

Arwah diketahui sebagai seorang agamawan yang berilmu tinggi, disegani dan amat te-



HARUSSANI Zakaria menerima Anugerah Tokoh Ar-Ridzuan pada majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Perak 2017.

mengulas isu-isu agama Islam melakukannya beliau untuk diantik sebagai Mufti Perak bermulai 1985.

Beliau dikenali cukup lantang dalam menyuarakan pandangan sehingga ada yang mengelarkannya sebagai

mufti kontroversi.

Sejangan menjelang Mufti Perak, pendapat dan teguran beliau dalam beberapa aspek tertentu perpolitikan, hukum agama dan politik sentiasa diarkan perhatian.

Beliau merupakan ulama yang tegas, sering memberikan teguran dan larangan jika berlaku isti sopial dan akidah atau dalam masyarakat.

Antaranya, beliau pernah menerangkan Pas yang menyebabkan masayarakat Islam khusus orang-orang Melayu berada dalam kesadaran yang buruk.

Beliau pernah menasihati para pemimpin Pas supaya berhenti mengelurkan fatwa yang songong sekutu hati kerana ia mengelirukan umat Islam.

Beliau juga pernah menerangkan tentang isu seorang pantekaweh beliau terkenal yang berceramah secara berjenaka dengan mongatkan hukum mazhab ilmu agama diseluruh lautan kerana adalah harlam.

Arwah amat berharap UMNO dan Pakatan bersatu suatu hari nanti untuk mensejahtera negara dan memegangkannya syariat Islam.

Kini berapan dan impian beliau itu nampaknya sudah terwujud dan termakbul walau pun kerjasama UMNO dan Pas di bawah Muftakat Nasional (MN) ketika ini agak goyah.

Beliau memberikan teguran dalam isu politik yang menjadi panas apabila disebut oleh pihak yang menerimanya.

Antaranya beliau pernah menerangkan Pas yang menyebabkan masayarakat Islam khusus orang-orang Melayu berada dalam kesadaran yang buruk.

Beliau pernah menasihati para pemimpin Pas supaya berhenti mengelurkan fatwa yang songong sekutu hati kerana ia mengelirukan umat Islam.

Beliau juga pernah menerangkan tentang isu seorang pantekaweh beliau terkenal yang berceramah secara berjenaka dengan mongatkan hukum mazhab ilmu agama diseluruh lautan kerana adalah harlam.

Beliau pernah menerangkan tentang isu seorang pantekaweh beliau terkenal yang berceramah secara berjenaka dengan mongatkan hukum mazhab ilmu agama diseluruh lautan kerana adalah harlam.

Arwah amat berharap UMNO dan Pakatan bersatu suatu hari nanti untuk mensejahtera negara dan memegangkannya syariat Islam.

Kini berapan dan impian beliau itu nampaknya sudah terwujud dan termakbul walau pun kerjasama UMNO dan Pas di bawah Muftakat Nasional (MN) ketika ini agak goyah.

Beliau memberikan teguran dalam isu politik yang menjadi panas apabila disebut oleh pihak yang menerimanya.

covid-19

Waktu Solat

Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

Waktu Solat Ibu Negara

BANK MAKANAN MAIPk DI MASJID

BANTU RAKYAT TERPUTUS BEKALAN MAKANAN SEPANJANG PANDEMIK

Pelbagai cara dilakukan pihak-pihak berkuasa dan badan-badan tertentu termasuk persendirian bagi membantu masyarakat yang menghadapi masalah terputus bekalan makanan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) tidak ketinggalan melaksanakan Program Bank Makanan (Food Bank) untuk menyalurkan bantuan kepada golongan miskin serta membantu golongan sasar yang terputus keperluan makanan dengan menjadikan masjid sebagai pusat penyaluran bekalan makanan tersebut.

Bank makanan yang diwujudkan di masjid-masjid di negeri ini boleh diibaratkan sebagai satu talian hayat kepada rakyat yang terjejas dari segi pendapatan berikutan pandemik Covid-19 yang melanda sejak tahun lalu.

Selain dapat mengatasi masalah penduduk Islam di negeri Perak dalam tempoh yang singkat, bank makanan MAIPk menekankan objektif jaminan kelangsungan bekalan bagi membasmi masalah kelaparan dan ketiadaan makanan kepada golongan miskin.

Golongan Sasar

Terdapat tiga golongan yang disasarkan untuk menerima bantuan bank makanan MAIPk iaitu :

1. Golongan yang terputus bekalan makanan yang dikenalpasti kesusahannya.
2. Penerima bantuan kewangan bulanan daripada agensi pemberi bantuan seperti MAIPk, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain.
3. Ahli kariah yang memerlukan bantuan yang dikenalpasti berkelayakan dari semasa ke semasa.

Bagi merealisasikan matlamat itu, masjid-masjid dijadikan sebagai pusat kebajikan setempat dan bertindak sebagai ejen kepada MAIPk di peringkat kariah masjid.

Masjid-masjid berkenaan adalah pihak bertanggungjawab yang menguruskan pusat bekalan makanan bagi memastikan ia beroperasi dan dilaksanakan secara tersusun.



Pusat makanan (food bank) di Manjung pada 20 April 2021 tersedia untuk kemudahan rakyat memerlukan.



Penyampaian sumbangan khusus untuk bank makanan di Bagan Datuk pada 19 April 2021.

MAIPk turut melantik syarikat pembekal makanan untuk menguruskan pembekalan barang makanan kepada pihak masjid. Bagi memastikan kelancaran proses, pihak masjid boleh melantik mana-mana ahli jawatankuasa kariah sebagai individu yang bertanggungjawab dalam pengagihan makanan tersebut.

Dari segi kaedah penyaluran, ahli kariah yang memerlukan boleh hadir ke masjid untuk mendapatkan barang makanan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Pihak masjid juga membuat penghantaran ke rumah ahli kariah yang telah dikenalpasti berkelayakan melalui bantuan yang dilaksanakan. Setiap pengagihan akan direkodkan maklumat penerimaan untuk tujuan audit.

SENARAI MASJID MENGIKUT DAERAH - PROGRAM BANK MAKANAN MAIPk 2021

DAERAH	NAMA MASJID	ALAMAT LENGKAP MASJID
Ipoh	Mosjid Jamek Tanjung Rambutan, Ipoh	Kampung Masjid, 31400 Tanjung Rambutan
Bagan Datuk	Mosjid Al-Aula, Hutan Melintang	Jalan Simpang Empat, 36400 Hutan Melintang
Manjung	Mosjid An-Nawawi, Pontai Remis	Kampung Pengkalan Bahru, 34900 Pontai Remis
Parit Buntar	Mosjid Jamek Pekan Kuala Kurau	Jalan Besar, 34350 Kuala Kurau, Perak
Bagan Serai	Mosjid Jamek Bukit Merah	Bukit Merah, 34310 Bagan Serai
Taiping	Mosjid Al-Ahmad	Kg Changkat Ibol, 34850 Changkat Jering
Selama	Mosjid Tah Paduka	Kampung Masjid, Ilok, 34510 Batu Kurau
Kuala Kangsar	Mosjid Al-Hadzri	Jalan Besar, 33700 Padang Rengas
Lenggong	Mosjid Ubudiah	Kampung Sumpiton, 33400 Lenggong
Gerik	Mosjid Al-Ridzuaniyah	Kampung Latang, 33320 Gerik
Pengkalan Hulu	Mosjid Klian Intan	33200 Klian Intan
Rotu Gajah	Mosjid Al-Falahah	Kampung Changkat Tin, 31800 Tanjung Tuakang
Seri Iskandar	Mosjid Jauharah	Kampung Belaya Kiri, 32800 Parit
Kampung Gajah	Mosjid Jamek Sungai Manglik	Kota Setia, 38800 Kampung Gajah
Teluk Intan	Mosjid Al-Muhajirin	Taman Desa Maju Perak, 36700 Longkap
Kampar	Mosjid Jamek Baru Gopeng	Pekan Gopeng, 31600 Gopeng
Tapah	Mosjid Abu Hurairah, Bidor	Jalan Utama Bidor, 35500 Bidor
Mualim	Mosjid As-Salamuddin	Felda Besut 4, 35600 Sungai

SALURAN BAYARAN ONLINE ZAKAT MAIPk:



Biller Code: 9027
Ref-1: Nama Pembayar
Ref-2: Nombor Telefon



**TITAH DIRAJA
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH
IBNI
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH
AL-MAGHFUR-LAH**

**PERASMIAN
MESYUARAT PERTAMA
TAHUN KEEMPAT
DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
KEEMPAT BELAS**

TARIKH : 25 OGOS 2021 (RABU) MASA : 10.30 PAGI

TEMPAT : DEWAN NEGERI
BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN
IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْبِيَاءِ وَ
الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ وَالْتَّابِعِينَ وَالْعُلَمَاءِ وَالصَّالِحِينَ لَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

Yang Dipertua Dewan Negeri,

1. Alhamdulillah, dengan penentuan Ilahi, Mesyuarat Pertama, Tahun Keempat, Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Keempat Belas dapat dilangsungkan meskipun menghadapi penangguhan disebabkan Proklamasi Darurat yang meletakkan negara berada dalam darurat antara 11 Januari sehingga 1 Ogos 2021. Dalam negara yang mengamalkan sistem raja berperlembagaan -demokrasi berparlimen, Dewan Negeri sebagai sebuah badan perundangan, berperanan penting untuk mengukuhkan amalan demokrasi, juga untuk mengimbangi peranan cabang eksekutif, terutama untuk menyemak, membahaskan dan meluluskan perbelanjaan negeri. Dewan ini juga merupakan tempat yang membolehkan rintihan rakyat didengari melalui suara ahli-ahli dewan yang telah dipilih dan mendapat mandat rakyat semasa berlangsungnya pilihan raya.

2. Pada akhir tahun 2019, dunia dikejutkan dengan penemuan virus COVID-19. Virus COVID-19 mencetuskan pandemik global; mencatat dua ratus dua belas juta (212,357,898) angka jangkitan dan empat perpuluhan empat juta (4,439,843) angka kematian sehingga 24 Ogos 2021. Kes jangkitan pada tarikh yang sama di negara kita mencecah satu perpuluhan enam juta (1,593,602) dengan 14,553 bilangan kematian, sementara 59,977 kes kumulatif positif COVID-19 dicatat berlaku di Negeri Perak, dengan 418 angka kumulatif kematian.

3. Wabak COVID-19 memberi impak besar kepada kelangsungan hidup penduduk dunia. Pada tahun 2020, ekonomi Malaysia mengalami penyusutan lima perpuluhan enam (5.6) peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), merekodkan pertumbuhan ekonomi kedua terendah selepas krisis kewangan 1998. Kesemua negeri

mencatat pertumbuhan negatif pada tahun 2020; namun lapan buah negeri merekodkan kadar pertumbuhan lebih baik berbanding penyusutan peringkat nasional; dan Negeri Perak yang mengalami penguncupan dua perpuluhan tiga (2.3) peratus, merekodkan pencapaian ekonomi di kedudukan kelima dalam senarai negeri di Malaysia. Sektor pembuatan dan sektor pertanian, masing-masing mencatat pertumbuhan tiga perpuluhan lima (3.5) peratus dan satu perpuluhan empat (1.4) peratus, merupakan dua sektor yang memberikan sumbangan positif kepada pertumbuhan ekonomi negeri.

4. Di sebalik menghadapi krisis kesihatan yang membawa kesan luar jangka, sembilan ratus lapan puluh tiga perpuluhan lima juta (983,527,286.74) ringgit hasil, berjaya diperoleh pada tahun 2020, pencapaian sembilan puluh tiga (93) peratus berbanding sasaran; ditambah terimaan pembangunan tiga puluh enam perpuluhan dua juta (36,185,656.30) ringgit; menjadikan jumlah keseluruhan hasil dan terimaan pembangunan, mencecah satu perpuluhan kosong dua bilion (1,019,712,943.04) ringgit. Hampir satu perpuluhan satu bilion (1,097,085,124.50) ringgit telah dibelanjakan; pencapaian sembilan puluh satu (91) peratus berbanding sasaran. Berlaku pengurangan belanja mengurus pada tahun 2020 disebabkan penyusunan semula perbelanjaan mengikut keutamaan serta penangguhan beberapa inisiatif, program dan acara rasmi kerajaan. Dalam usaha muahu membantu rakyat yang terkesan dengan pandemik, berlaku lebihan belanja pembangunan untuk membiayai pelbagai inisiatif kerajaan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE). Kerajaan Beta menutup akaun semasa tahun 2020 dengan deficit tujuh puluh tujuh perpuluhan empat juta (77,372,181.46) ringgit yang ditampung daripada sumber rizab.

5. Pandemik COVID-19 turut memberi kesan terhadap kutipan hasil Pihak Berkusa Tempatan (PBT). Secara keseluruhan, hasil PBT tahun 2020 menurun dua ratus lima puluh tujuh (256.74) juta ringgit, bersamaan dua puluh (20.2) peratus berbanding hasil tahun 2019. Majlis Perbandaran Kuala Kangsar mengalami hampir lima puluh lapan (58) peratus penurunan hasil, berjumlah seratus enam puluh empat (164) juta ringgit, merupakan PBT yang mengalami penurunan hasil paling ketara; sementara Majlis Daerah Perak Tengah mengalami enam puluh satu (61) peratus penurunan hasil berjumlah empat puluh lapan (47.84) juta ringgit. Walaupun kemudahan-kemudahan seperti stadium dan dewan tidak mendatangkan hasil kerana tidak digunakan, namun PBT masih perlu menanggung pelbagai kos penyenggaraan. Di samping menghadapi hasil yang terjejas, PBT diperlukan pula menampung pelbagai perbelanjaan tambahan kerana anggota-anggota PBT turut terlibat sebagai petugas barisan hadapan.

6. Rancangan Malaysia Kesebelas (RM ke-11) telah pun berakhir pada penghujung tahun 2020. Sepanjang tempoh pelaksanaan, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan lebih lapan bilion (8,063,107,728.52) ringgit ke Negeri Perak. Daripada jumlah peruntukan tersebut, tujuh perpuluhan lima bilion (7,544,114,568.82) ringgit, bersamaan sembilan puluh empat (94) peratus telah dibelanjakan. Daripada lima ratus lima puluh enam (556) projek yang diluluskan, dua ratus lima puluh lapan (258) projek berjaya disiapkan, dua ratus sembilan puluh enam (296) projek masih dalam peringkat pelaksanaan untuk disambung ke Rancangan Malaysia kedua belas, manakala dua projek, iaitu kajian kemungkinan projek menaik taraf Padang Terbang Stolport Gerik dan perolehan tapak Balai Bomba dan Penyelamat Sungkai, dibatalkan.

Yang Dipertua Dewan Negeri,

7. Memahami masalah yang dihadapi oleh rakyat akibat pandemik COVID-19, Kerajaan Beta telah melaksanakan pelbagai Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) dan inisiatif bantuan berjumlah dua ratus juta (200,060,777.48) ringgit; peruntukan seratus tiga puluh juta (129,907,586.00) ringgit pada tahun 2020, dan tujuh puluh juta (70,153,191.48) ringgit dalam tahun 2021. Sektor kebajikan awam dan kesihatan mendapat peruntukan terbesar, berjumlah enam puluh tiga juta (63,162,923.00) ringgit sementara peruntukan kedua terbesar berjumlah empat puluh enam juta (46,372,006.00) ringgit disediakan untuk bantuan kepada penjaja, peniaga kecil dan usahawan. Memandangkan masih belum ada kepastian tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan berakhir, Kerajaan Beta sedang meneliti keperluan melakukan penjajaran selanjutnya untuk menampung impak negatif dalam hasrat membantu golongan rentan,

memastikan kelangsungan perniagaan dan seterusnya membantu mempercepatkan pemuliharaan ekonomi.

8. Kerajaan Persekutuan pula memberikan peruntukan perbelanjaan operasi barisan hadapan kepada pelbagai agensi Persekutuan, merangkumi Jabatan Kesihatan, Polis Diraja, Angkatan Tentera, RELA, Angkatan Pertahanan Awam dan Majlis Keselamatan Negara. Enam puluh empat perpuluhan lapan juta (64,819,444.62) ringgit diperuntukkan dalam tahun 2020; empat puluh lapan peratus daripada jumlah tersebut, berjumlah hampir tiga puluh dua juta (31,685,555.00) ringgit diperuntukkan ke Jabatan Kesihatan Negeri. Untuk tahun semasa, sehingga Jun 2021, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan tiga puluh sembilan juta (39,251,323.00) ringgit untuk perbelanjaan operasi barisan hadapan; empat puluh dua peratus daripada peruntukan tersebut berjumlah enam belas juta (16,303,117.20) ringgit diperuntukkan ke Jabatan Kesihatan.

9. Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) turut menyediakan dana khas dari sumber zakat berjumlah hampir dua puluh tujuh juta (26,556,000.00) ringgit; dua belas juta (11,950,000.00) ringgit pada tahun 2020, dan lima belas juta (14,606,000.00) ringgit pada tahun 2021, membiayai pelbagai paket bantuan kepada golongan sasar, antaranya bantuan kos operasi pusat jagaan anak yatim, rumah orang tua dan warga emas; bantuan kebajikan pelajar dalam dan luar negeri, bantuan kecemasan kelangsungan hidup, sumbangan ke pusat gelandangan dan petugas barisan hadapan, serta tajaan peralatan kesihatan dan perubatan. Kerajaan Beta juga pada tahun 2020 telah meluluskan bantuan dua juta (2,240,000.00) ringgit kepada lapan ratus sembilan puluh enam (896) institusi pendidikan di bawah Jabatan Agama Islam bagi pembelian peralatan kesihatan dan nyah kuman.

10. Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tidak terkecuali berperanan aktif memenuhi pelbagai peranan. Sehingga Julai 2021, dua ratus lima puluh empat (254) NGO berganding bahu memberikan sumbangan kepada seratus lima puluh empat ribu (154,353) individu dengan sumbangan berjumlah hampir empat juta (3,918,590.00) ringgit. Golongan belia bergerak aktif mewujudkan sukarelawan perkhidmatan bukan kesihatan, berperanan sebagai pemudah cara membantu petugas barisan hadapan di pusat-pusat pemberian vaksin. Pasukan sukarelawan yang ditubuhkan menjadi platform membolehkan belia membantu kerajaan dalam program imunisasi kebangsaan di peringkat akar umbi. Pada masa yang sama, para belia terlibat aktif mewujudkan kumpulan sukarelawan gelembung sukan (sports bubble volunteer), berperanan memantau kelancaran serta panduan keselamatan dan pematuhan prosedur operasi standard ketika penganjuran aktiviti sukan dan rekreasi.

Yang Dipertua Dewan Negeri,

11. Warga pendidik, murid, ibu bapa dan pelbagai pihak yang terlibat langsung dengan pendidikan, menghadapi ujian dan cabaran berat. Pandemik turut mengubah landskap pendidikan ke arah andragogi dan pedagogi secara digital. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengumumkan penutupan sekolah dan memperkenalkan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), menggantikan sesi pembelajaran secara bersemuka. Hampir tiga ratus ribu (298,318) pelajar bersamaan sembilan puluh lima (95) peratus murid di kawasan bandar dan enam puluh empat ribu (64,001) pelajar bersamaan sembilan puluh tujuh (97) peratus di kawasan luar bandar telah mengikuti norma baharu pembelajaran secara PdPR. Selain kaedah atas talian, PdPR juga dilaksanakan secara luar talian atau luar kawasan sekolah mengikut kesesuaian kemudahan pembelajaran guru dan pelajar. Sepanjang tahun 2020, hanya seratus empat puluh hari persekolahan dapat beroperasi secara bersemuka, sementara PdPR diperkenalkan untuk lapan puluh tiga baki hari persekolahan. Peperiksaan awam, Sijil Pelajaran, Sijil Vokasional, Sijil Tinggi Agama dan Sijil Tinggi Persekolahan terpaksa ditunda selama empat bulan; sementara Ujian Pencapaian Bahasa Antarabangsa ditunda hampir lapan bulan. Beta menzahirkan penghargaan kepada warga pendidikan yang telah merintis segala usaha untuk memastikan murid-murid yang diamanahkan tanggungjawab ke atas bahu mereka, dapat diilmukan sebaik mungkin.

12. Perangkaan keseluruhan jenayah indeks kekerasan dan harta benda dalam tahun 2020 menunjukkan penurunan tiga puluh satu (31) peratus; menurun dari empat ribu sembilan ratus (4,911) kes

pada tahun 2019 kepada tiga ribu empat ratus (3,388) kes pada tahun 2020. Jumlah tangkapan penangkap dadah turut menunjukkan penurunan dari tiga ratus dua puluh tiga (323) orang dalam tahun 2019 kepada enam puluh (60) orang dalam tahun 2020. Penurunan angka jenayah ini mungkin dipengaruhi oleh Perintah Kawalan Pergerakan. Meskipun terdapat penurunan jenayah indeks, beban tugas Polis Diraja Malaysia (PDRM), ditambah dengan tanggungjawab tugas-tugas barisan hadapan untuk menguatkuasakan arahan-arahan Perintah Kawalan Pergerakan. Di samping Polis Diraja, agensi-agensi keselamatan lain, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, RELA, dan Angkatan Pertahanan Awam turut terlibat aktif bertugas melaksanakan pelbagai tugas barisan hadapan.

13. Sektor pelancongan antara sektor terjejas teruk, menerima impak negatif yang besar dan sekali gus memberi kesan signifikan kepada operasi sektor sokongan berkaitan pelancongan terutamanya industri perhotelan dan penginapan, susulan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan. Data Persatuan Hotel Malaysia Negeri Perak menunjukkan trend penurunan kadar penginapan dari lima puluh tujuh (57) peratus pada tahun 2019 kepada tiga puluh lima (35) peratus pada tahun 2020, sementara kadar penginapan purata menunjukkan trend penurunan dari empat puluh empat peratus (44) dalam tahun 2019 kepada dua puluh enam (26) peratus dalam tahun 2020. Sebuah hotel telah ditutup pada tahun 2020, mengakibatkan pemberhentian seratus lapan puluh (180) pekerja; enam puluh lima buah hotel ditutup sementara, memberi kesan kepada seribu seratus lima belas (1,115) pekerja.

14. Penggunaan homestay Negeri Perak yang mencatatkan pertumbuhan positif tiga tahun berturut-turut pada tahun-tahun 2016, 2017 dan 2018 telah mendorong ramai pihak, melabur dan mencebur diri dalam subsektor tersebut. Akibat kawalan pergerakan, penggunaan homestay mencatatkan penurunan pengunjung dari lima belas ribu (15,206) dalam tahun 2019 kepada empat ratus lima puluh empat (454) dalam tahun 2020, penurunan sembilan puluh tujuh peratus. Hasil terimaan hampir satu juta (961,060.30) ringgit yang direkodkan dalam tahun 2019, turun kepada tiga puluh satu ribu (31,324.00) ringgit dalam tahun 2020.

15. Usaha-usaha giat dirintis untuk membantu sektor pelancongan. Tourism Perak telah merangka pelbagai inisiatif pelan pemulihan sektor pelancongan, antaranya, aktiviti promosi secara atas talian, seminar secara langsung, pertandingan berkonsepkan pelancongan, sesi libat urus, geran sokongan pelancongan, seni dan budaya bersama Tourism Malaysia serta penganjuran padanan perniagaan secara maya. Tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan dan status semasa penularan wabak, Tourism Perak turut merancang beberapa acara secara kehadiran fizikal pada penghujung tahun 2021.

16. Keadaan keselamatan makanan dunia semakin kritikal. Program Makanan Sedunia (*World Food Program*) memberi amaran, daripada angka dua puluh tujuh juta orang yang diancam risiko kebuluran pada tahun 2019, kini telah meningkat kepada empat puluh satu juta orang, di empat puluh tiga buah negara. Peningkatan risiko kebuluran didorong oleh kenaikan harga barang makanan penting, ditambah dengan konflik, perubahan iklim dan masalah ekonomi, diburukkan lagi oleh pandemik COVID-19. Kebuluran paling teruk akibat ancaman COVID-19 dan perperangan, sedang dialami di empat buah negara, Ethiopia, Madagascar, Sudan Selatan dan Yaman, melibatkan hampir enam ratus ribu orang. Pra sidang kemuncak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berlangsung di Rom, pada bulan Julai lalu, menyuarakan keimbangan, disebabkan ancaman COVID-19 yang mengekang kegiatan pertanian, berkemungkinan menyebabkan negara-negara pengeluar, mengurangkan eksport makanan kerana lebih mengutamakan keperluan domestik. Setiap negara wajib memikirkan langkah-langkah strategik untuk menghadapi segala kemungkinan dalam suasana wabak COVID-19 terus merebak. Kerajaan Beta perlu memberikan perhatian serius terhadap ancaman keselamatan bekalan makanan dengan mengaktifkan sektor-sektor pertanian, ternakan dan perikanan.

Sektor-sektor pertanian, ternakan dan perikanan amat perlu diperkenalkan dengan budaya kerja dan budaya pengeluaran baru, dengan menyuntik kaedah-kaedah dan mekanisme moden

supaya produktiviti bahan makanan dapat segera ditingkatkan. Program melahirkan petani, penernak dan nelayan moden wajib diberikan keutamaan.

Yang Dipertua Dewan Negeri,

17. Hasrat untuk membangunkan negeri dengan lebih pesat bergantung kepada kekuatan sumber kewangan kerajaan. Usaha meningkatkan hasil negeri dengan mengenal pasti sumber hasil baharu oleh sektor-sektor berpotensi terus dirintis. Dianggarkan dalam perut bumi Negeri Perak terkandung satu perpuluhan tujuh juta (1,687,500) tan sumber nadir bumi bukan radioaktif (non-radioactive rare earth element-NR-REE). Sumber NR-REE, merupakan mineral terpenting pada masa kini dan masa hadapan kerana digunakan secara meluas dalam pelbagai industri teknologi tinggi, industri perubatan dan industri pertahanan. Kerajaan Beta telah memulakan projek perintis perlombongan NR-REE di atas tanah seluas dua ratus empat belas (213.8) hektar. Pada masa yang sama, Kerajaan Beta mengambil pendirian sangat berhati-hati dan tidak akan bersifat gopoh untuk melonjak terlalu cepat, meluluskan lesen melombong NR-REE secara besar-besaran.

18. Pengalaman kerosakan muka bumi yang ditinggalkan, dan harga yang perlu dibayar oleh negeri dan rakyat pasca aktiviti perlombongan bijih timah, wajib dijadikan sebesar-besarnya pengajaran. Faktor kesihatan, faktor keselamatan, faktor alam sekitar dan manfaat jangka panjang negeri dan rakyat wajib diutamakan dan tidak boleh dikorbankan. Pada masa yang sama Negeri Perak tidak wajar berpuas hati berperanan semata-mata sebagai pengeluar bahan mentah; di sebaliknya pengeluaran bahan mentah hendaklah dilengkapi dengan aktiviti hilir agar bahan mentah yang dilombong, dilengkapi dengan nilai tambah, yang dapat memberikan pulangan hasil yang lebih bermakna dan membuka peluang kerja aras tinggi kepada rakyat tempatan. Berasaskan pendirian tersebut, Perbadanan Menteri Besar Perak telah mengorak langkah meneroka ruang menjalinkan kerjasama dengan saintis dan pakar untuk menjalankan penyelidikan ke atas mineral yang baru ditemui ini; sementara Perbadanan Kemajuan Negeri Perak merintis usaha untuk membantu membangunkan industri pertengahan dan industri hilir.

19. Air ialah khazanah alam yang tidak ternilai dan merupakan sumber penting kepada kehidupan manusia dan penjanaan pelbagai sektor ekonomi. Di Negeri Perak terdapat sebelas lembangan sungai utama; Lembangan Sungai Perak adalah lembangan sungai terbesar yang meliputi keluasan hampir lima belas ribu (14,908) kilometer persegi, menyamai tujuh puluh peratus keluasan lembangan sungai utama Negeri Perak, dan merupakan lembangan sungai kedua terbesar di Semenanjung Malaysia. Berdasarkan laporan Indeks Kualiti Air tahun 2020 terbitan Jabatan Alam Sekitar, Sungai Tapah diiktiraf sebagai sungai terbersih di Malaysia; di samping itu, Sungai Licin, Sungai Nyior dan Sungai Manong, diiktiraf antara sepuluh sungai terbersih dalam negara. Kebersihan sungai hendaklah diutamakan. Tanggungjawab memelihara kebersihan sungai ialah tanggungjawab semua pihak. Masjid, surau, sekolah, badan-badan belia dan persatuan-persatuan penduduk hendaklah mendidik setiap rakyat, bermula daripada usia kanak-kanak untuk tidak mencemari sungai dengan langkah kecil dan langkah permulaan, tidak membuang sampah ke dalam longkang, parit dan sungai.

20. Sepanjang tahun 2020, Jabatan Alam Sekitar melaksanakan hampir lima ribu (4,937) pemeriksaan di hampir dua ribu lima ratus (2,465) premis, merangkumi sektor industri, pertanian, ladang hutan, kuari, loji kumbahan, juga projek-projek pembangunan, yang berpotensi mencetuskan pencemaran alam sekitar. Tiga ribu empat ratus (3,358) kompaun dikeluarkan kerana pelbagai kesalahan pelanggaran perundungan alam sekitar, dan seratus satu (101) kertas siasatan dibuka untuk diambil tindakan perundungan di mahkamah. Sembilan belas premis dikenakan sitaan peralatan, dan tujuh premis dikenakan perintah larangan beroperasi. Data pada tahun 2020, menunjukkan ramai operator dan pengusaha kurang memberi keutamaan kepada komponen alam sekitar. Langkah-langkah pemantauan dan kuat kuasa amat perlu ditingkatkan agar mesej yang jelas disampaikan kepada semua pihak untuk tidak mengkompromikan faktor alam sekitar.

21. Negeri Perak mempunyai tanah Rizab Melayu yang kedua

tertinggi di Semenanjung Malaysia dengan keluasan sembilan ratus lima puluh tiga ribu (953,075.55) hektar. Keluasan ini meliputi empat puluh lima peratus daripada keluasan keseluruhan negeri Perak. Sepanjang tempoh selepas kemerdekaan, seluas lima belas ribu (14,960.23) hektar Tanah Rizab Melayu di Negeri Perak telah dibatalkan, tetapi telah digantikan semula dengan jumlah yang lebih tinggi, iaitu seluas dua puluh tujuh ribu (27,255.92) hektar. Data ini menunjukkan komitmen Kerajaan Beta mahu mencapai sasaran lima puluh peratus tanah Rizab Melayu selaras dengan hasrat untuk menjunjung salah satu daripada tujuh wasiat Raja-Raja Melayu.

Yang Dipertua Dewan Negeri,

22. Islam ialah agama yang mendasari segala aspek kehidupan seiring dalam apa jua perubahan keadaan dan peredaran zaman. Norma baharu kaedah beribadah ketika menghadapi pandemik, merupakan salah satu contoh yang menggambarkan agama Islam amat memahami realiti suasana tanpa manafikan kesempurnaan pelaksanaan ibadah seseorang hamba. Pendekatan maqasid syariah, konsep darurat, fiqh al-awlawiyat dan seumpamanya yang berlandaskan kerangka syariat melalui Al-Quran dan As-Sunnah menjadi ukuran dan pertimbangan, demi menjamin kemaslahatan serta menolak sebarang bentuk fasad yang sangat bertentangan dengan prinsip Ilahi. ALLAH Subhanahu Wata'ala berfirman yang bermaksud :

"Dan janganlah kamu menjatuhkan diri mu sendiri ke dalam kebinasaan."
(Al-Quran, [Al-Baqarah, 2:195].)

23. Penerimaan terhadap perubahan kaedah beribadah ini dapat dihayati melalui interaksi ilmu agar wujud kefahaman yang hakiki supaya tidak timbul salah faham mengenai Islam sehingga boleh merosakkan kredibiliti agama.

Yang Dipertua Dewan Negeri,

24. Virus COVID-19 mencetuskan medan tempur baharu, kehidupan alam kini menghadapi serangan musuh biologi. Wabak COVID-19 akan terus berada dalam kalangan dan persekitaran kehidupan alam. Virus ini masih muda dan baharu, namun telah menunjukkan daya lawan dan daya tahan tersendiri, berkeupayaan bermutasi, menghasilkan pelbagai varian baharu untuk mengatasi vaksin ciptaan manusia. Pertembungan vaksin dan virus akan berterusan sehingga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan kebijaksanaan akal manusia berupaya mengatasi daya lawan dan daya tahan virus ini. Vaksinasi merupakan inisiatif pencegahan. Imunisasi merupakan perisai pertahanan untuk meningkatkan daya imuniti.

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan merupakan langkah semasa dilaksanakan secara besar-besaran untuk meningkatkan daya tahan rakyat menghadapi ancaman virus. Sehingga 24 Ogos 2021, sejumblah satu perpuluhan satu juta (1,118,358) orang telah menerima dos pertama, dan hampir lapan ratus ribu (797,317) orang telah lengkap menerima dos kedua, merupakan empat puluh dua perpuluhan lapan (42.8) peratus daripada jumlah populasi dewasa Negeri Perak. Kerajaan Beta sedang mengusahakan inisiatif untuk mencapai kadar imunisasi kelompok dengan mempercepatkan program vaksinasi. Program pemberian vaksin juga dipertingkatkan dan ditambah baik melalui program jangkauan, menggerakkan pasukan khas ke lokasi pedalaman, mendekati dan menyantuni masyarakat di luar bandar dan masyarakat Orang Asli.

25. Di samping bekalan vaksin yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak melalui anak syarikatnya Majuperak Holdings Berhad dengan kerjasama Kumpulan Perubatan Ar-Ridzuan telah merintis program pelengkap, SilverVax, menawarkan program vaksinasi berbayar yang ditanggung oleh majikan. Program vaksinasi berbayar ini diperkenalkan di Negeri Perak mulai 2 Ogos 2021, telah mendapat sambutan daripada para majikan yang berhasrat mahu mempercepatkan semua pekerja mereka mendapat vaksinasi agar tercapai sasaran imuniti kelompok yang memberikan rasa selamat kepada majikan, pekerja dan pelanggan.

26. Para doktor, jururawat, petugas kesihatan dan perubatan, pemandu ambulans, pemandu kereta jenazah dan penggalikubur serta pengurus rumah-rumah jenazah tiba-tiba dilanda tanggungjawab berat di luar jangka, berada di barisan paling hadapan, menghadapi risiko jangkitan paling tinggi; satu beban tanggungjawab yang mereka tidak pernah terbayang perlu dihadapi oleh profesion masing-masing. Begitu juga risiko besar yang dihadapi oleh penghantar makanan, petugas-petugas di kedai runcit, di pasar raya dan di farmasi; para pengendali pengangkutan awam, para anggota pasukan keselamatan dan agensi-agensi berkaitan, serta pegawai-pegawai awam di pelbagai jabatan dan agensi kerajaan yang mengendalikan pelbagai perkhidmatan penting. Mereka telah melaksanakan satu tugas fardu kifayah yang wajib dihargai. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala menganugerahkan khidmat dan pengorbanan mereka dengan sebesar-besarnya. Sebagai tanda apresiasi kita kepada setiap seorang petugas di barisan hadapan serta ahli keluarga mereka, marilah kita sama-sama berdiri dan memberikan mereka satu tepukan penghargaan.

27. Semasa berlangsungnya Istiadat Pelantikan ahli Dewan Negeri Kota Tampar sebagai Menteri Besar Perak, Beta telah menzahirkan titah agar kerajaan Beta merintis jalan meminimumkan perselisihan politik. Demi kepentingan rakyat, agenda kemakmuran ekonomi, agenda pembangunan negeri dan agenda kesejahteraan sosial wajib diutamakan. Menyahut titah tersebut, Yang Amat Berhormat Menteri Besar ketika membentangkan belanjawan 2021, telah mengumumkan peruntukan saksama untuk kesemua lima puluh sembilan (59) orang ahli Dewan Negeri, tanpa sebarang diskriminasi sama ada ahli Dewan dari parti pembangkang atau parti pemerintah. Semua ahli Dewan juga dijemput hadir dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah, Jawatankuasa Kumpulan Fokus Daerah dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah. Langkah tersebut telah memungkinkan semua ahli Dewan mengambil bahagian secara langsung lagi membina, untuk mencari formula memenuhi keperluan rakyat secara lebih berkesan - lebih bermakna.

Langkah yang dirintis oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar merupakan langkah berani, memperkenalkan budaya baharu dalam pentadbiran negeri. Langkah tersebut mungkin satu langkah permulaan yang kecil, tetapi langkah kecil ini jika terus disuburkan, akan membantu melonjakkan budaya politik baharu aras tinggi yang kurang berkonfrontasi sifatnya. Setiap ahli Dewan hendaklah menyambut langkah tersebut dengan menunjukkan sikap timbal balik yang menghargai budaya baharu ini dengan mempamerkan semangat politik matang beraras tinggi, saling bekerjasama - saling menghormati - saling membantu usaha-usaha yang dilaksanakan untuk kepentingan negeri dan kepentingan rakyat; di samping sama-sama berusaha memupuk semangat perpaduan dan semangat kewarganegaraan antara rakyat berbilang kaum yang menganut pelbagai agama, mengamalkan pelbagai budaya dan menguasai pelbagai bahasa.

28. Beta menzahirkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, ahli-ahli Dewan Negara, ahli-ahli Dewan Negeri, pegawai-pegawai awam kerajaan di semua peringkat, anggota pasukan keselamatan, badan-badan berkanun, pihak swasta, ahli-ahli Majlis Kerajaan Tempatan, para pegawai masjid, pemimpin-pemimpin agama, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung, anggota Rukun Tetangga, serta badan-badan sukarela, badan-badan kebudayaan, belia dan sukan yang telah berganding bahu, bekerjasama untuk membangunkan negeri Perak Darul Ridzuan.

29. Semoga Negeri Perak Darul Ridzuan dilimpahi keamanan dan kemakmuran, serta rakyatnya terus diberkati dan dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan taufik dan hidayah.

30. Dengan lafadz **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**, Beta merasmikan Mesyuarat Pertama; Tahun Keempat, Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Keempat Belas.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهِدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

PROGRAM EHSAN TH (TABUNG HAJI) DENGAN KERJASAMA MAIPK



IPOH, 7 Mei 2021 - Sesi penyerahan sumbangan Program Ehsan TH dengan kerjasama MAIPK telah diadakan bagi menyantuni asnaf sekitar Ipoh bersama pihak MAIPK. Sumbangan telah disampaikan oleh Tuan Haji Mohamad bin Abas, Pengarah Tabung Haji Negeri Perak diiringi Encik Ahmad Muzammil bin Arbaian, Pengurus Bahagian Agihan Zakat MAIPK. Seramai 125 orang asnaf disantuni menerusi program ini di seluruh negeri Perak, dan setiap keluarga menerima sumbangan RM400.00 sebagai bantuan persiapan Hari Raya Aidilfitri. Untuk makluman, Tabung Haji merupakan antara agensi yang konsisten dan tertinggi menunaikan Zakat kepada MAIPK. Moga Allah memberkati usaha dan mempermudahkan urusan pihak pengurusan dan para pencarum Tabung Haji sekalian.

PROGRAM PENYERAHAN SUMBANGAN HARI RAYA UNTUK PESAKIT DIALISIS

IPOH, 5 Mei 2021 - YDH Toh Tan Dewa Sakti, Tuan Haji Zulkifly bin Dato' Haji Zakaria selaku Pengurus Kumpulan Perubatan Ar-Ridzuan Sdn. Bhd. (KPAR) bersama Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak YBrs. Tuan Shahruh Azam bin Shaari diiringi oleh YBrs. Encik Abd Rahman Bin Abdullah Thani, Ketua Pegawai Eksekutif, PKEINPK Sdn. Bhd. (PSB) telah sudi hadir ke Unit Hemodialisis Ar-Ridzuan di Hospital Ar-Ridzuan, Greentown Suria, Ipoh bagi menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidil Fitri kepada 18 orang pesakit yang sedang menjalani rawatan dialisis. Sumbangan tersebut juga turut diberikan kepada semua pesakit dialisis berjumlah 95 orang. Turut serta pada majlis tersebut ialah Ahli Lembaga Pengarah PSB dan KPAR serta barisan Pengurusan KPAR. Program tersebut kemudiannya diteruskan dengan Majlis Doa Selamat dan Berbuka Puasa serta Solat Tarawikh bersama Pengurus PSB, YBhg. Dato' Dr Mohamad Hashim bin Ahmad Tajudin yang dipimpin oleh Pegawai Khas Hal Ehwal PSB, Ustaz Muhammad Izhar bin Zainal.



MAIPK PRIHATIN BANTU ASNAF

1 | BANTUAN PERUBATAN



Bantuan alat mesin oksigen bernilai RM4,300.00 kepada Encik Hamzani yang menderita penyakit buah pinggang pada tahap 4 serta jantung yang memerlukan alat bantuan pernafasan di Bagan Datuk pada 24 April 2021.



Bantuan katil dan lampin pakai buang kepada Encik Mohd Said bin Mohd Arif yang terlantar akibat diserang gout kronik di Kampung Sungai Berdarah, Sungai Bayor, Selama pada 2 Jun 2021.



Bantuan katil, lampin, tisu basah dan walking frame kepada Encik Sofian bin Mat Ramli yang menderita sakit buah pinggang dan tumor di dalam perut di Felda Ijok, Selama pada 5 Jun 2021.



Bantuan dua alat Desferal pump yang berharga RM2,900.00 setiap satu. Alat ini bertujuan bagi mengeluarkan zat besi yang berlebihan di dalam badan pesakit Thalasemia yang dialami dua beradik iaitu Muhammad Zuhud Amsyar bin Ahmad Zam Zam dan Muhammad Zaeem bin Ahmad Zam Zam di Bagan Datuk pada 11 Jun 2021.



Bantuan katil dan tilam angin kepada Encik Mohd Sahrul bin Mohd Sasli yang terlantar sakit saraf tunjang di Parit 1 Chikus, Teluk Intan pada 13 Jun 2021.



Bantuan lampin pakai buang kepada Samsiah binti Abdullah menghadapi masalah saraf menyebabkan keduanya belah kaki pemohon tidak mampu untuk berdiri dan berjalan di Simpang Tiga Kampung Belt, Labu Kubong pada 14 Jun 2021.



Bantuan kaki palsu kepada Normah binti Din yang menderita penyakit kencing manis dan darah tinggi di Teluk Intan pada 15 Jun 2021.



Bantuan katil elektrik, lampin pakai buang, susu formula dan tisu basah berjumlah RM12, 177.00 kepada Encik Tojaber bin Sukardi yang mengalami penyakit strok di Kg. Lubok Salak, Tg. Malim pada 22 Jun 2021.



Bantuan lampin pakai buang, susu formula, ubat cair kahak dan tisu basah berjumlah RM10,036.80 kepada Encik Mohamad Amin bin Asnawi yang terlantar menghidap strok di FELDA Sungai Behrang pada 22 Jun 2021.



Bantuan alat perubatan smart crutch kepada adik Nur Natasha, 15 tahun menghidap penyakit diplegic cerebral palsy yang menyebabkannya tidak dapat berjalan dengan sempurna di Jalan Padang Tembak, Teluk Intan pada 23 Jun 2021.



Bantuan 17 jenis barang serta alatan perubatan berjumlah RM19,000.00 kepada Adik Alif Arrfat bin Rofazli berusia 1 tahun menghidap penyakit jantung, angin pasang, masalah pernafasan dan masalah pendengaran di Kampung Rasau, Slim River pada 24 Jun 2021.



Bantuan mesin oksigen kepada Puan Halimah binti Basri, menghidap penyakit paru-paru yang menyebabkan beliau sukar bernafas dan kekurangan oksigen dalam badan di Kian Halt 3, Simpang Felda Sg. Behrang pada 24 Jun 2021.

1 | BANTUAN PERUBATAN



Bantuan berupa lampin pakai buang dan susu bernilai RM7,000.00 kepada Puan Roswati binti Kamarudzaman ibu tunggal yang menghidap penyakit strok dan tidak mampu berdiri dan menguruskan diri di Jalan Lubuk Salak Kg. Ketoyong, Tg. Malim pada 24 Jun 2021.



Bantuan kerusi roda kepada Encik Talib yang merupakan saudara baru Islam yang telah menjalani pemotongan sebelah kaki akibat penyakit kencing manis di KOA Chenain, Tg. Malim pada 28 Jun 2021.

2 | BANTUAN KECEMASAN



Sumbangan kepada mangsa bencana kebakaran di Kampung Bahagia, Teluk Intan pada 2 Mei 2021.



Bantuan kecemasan kepada Encik Abd Rahim bin Saad yang ditimpakan musibah serangan jantung, darah tinggi, dan kencing manis yang kronik di Jalan Tanjung Piandang pada 9 Jun 2021.



Bantuan perbelanjaan kos rawatan ke hospital kepada Mohd Saiful Nizam, 28 tahun menghidap kanser usus di Kampung Tapah, Selama pada 22 Jun 2021.



Menyantuni seorang pelajar Nurul Izzah binti Mohd Azhar, keluarga anak yatim yang kurang berkemampuan membayar yuran pengajian Sijil Tinggi Agama (STAM) 2021 di Kampung Sungai Lempong, Selama pada 22 Jun 2021.



Bantuan kotak makanan dan kewangan kepada ibu yang tinggal bersama dua orang anak OKU dan seorang cucu OKU di Alor Pongsu, Bagan Serai pada 23 Jun 2021.



Bantuan kewangan kepada Pakcik Bakar, 70 tahun di Parit Tok Ngah, Tanjung Piandang pada 1 Julai 2021.



Menyantuni seorang asnaf Puan Nor Hawanis, 43 yang disahkan menghidap penyakit mental Skizofrenia di Kampung Tanah Lalang pada 2 Julai 2021.



Bantuan kewangan kelangsungan hidup kepada saudara Abdul Rahman bin Abdullah yang terkesan dengan pandemik COVID-19 bagi menanggung isi rumah seramai 14 orang di Taman Semesti, Hutan Melintang pada 6 Julai 2021.



Menziarahi mangsa kebakaran di Pangsa Riang Jalan Sultan Abdullah, Teluk Intan pada 13 Julai 2021.



Bantuan peralatan dan mesin pertukangan kepada Encik Anuar bin Ariffin bernilai lebih daripada RM10,000.00 di Muallim pada 21 Mei 2021.

3 | BANTUAN MODAL

3 | BANTUAN MODAL



Bantuan peralatan dan mesin pertukangan kepada Encik Anuar bin Ariffin bernilai lebih daripada RM10,000.00 di Muallim pada 21 Mei 2021.



Bantuan bot dan enjin kepada Encik Mohd Fadzil bin Din di Kampung Tepi Kolam, Bukit Merah, Bagan Serai pada 13 Ogos 2021.



Bantuan enjin bot, jaring dan jaket keselamatan kepada Encik Othman bin Bidin di Kg. Tengah, Kuala Slim, Slim River pada 16 Ogos 2021.



Bantuan bot beserta enjin kepada Encik Sidek bin Ahmad di Kg. Jaya, Kuala Slim, Slim River pada 16 Ogos 2021.



Bantuan mesin jahit dan alatan jahitan kepada Puan Saripah Sabtiah binti Halib di Kg. Chabang Lima, Tg. Malim pada 18 Ogos 2021.



Bantuan peti sejuk beku dan peti sejuk "chiller" kepada Encik Sharul Ezwan bin Sabri di Jalan Ketoyong, Tg. Malim pada 19 Ogos 2021.



Bantuan mesin pemerah santan kepada Puan Norazah binti Nordin di Kg. Kelawar, Tg. Malim pada 20 Ogos 2021.



Bantuan alatan menggunting, mendandan rambut dan penghawa dingin kepada Encik Adam Aiman bin Abdullah di Pekan Slim River pada 24 Ogos 2020.

4 | BINA RUMAH



Bantuan Bina Rumah kepada Encik Salip bin Amrin di Kampung Air Hitam, Teluk Intan pada 2 Mei 2021.



Bantuan Bina Rumah kepada Nor Hizan binti Lasa di Kg. Tambak, Slim Village pada 29 Mei 2021.



Bantuan Bina Rumah kepada Mohamed Yusop bin Hashim, 62 tahun di Kampung Sungai Tukang Sudin, Teluk Intan pada 10 Jun 2021.



Bantuan Bina Rumah kepada Encik Abdullah bin Saidin di Bagan Datuk pada 14 Jun 2021.



Bantuan Bina Rumah kepada Encik Mohd Radzi bin Che, Kampung Selarong, Pengkalan Hulu pada 1 Julai 2021.

MAIPK LAHIRKAN USAHAWAN BERJAYA

Fiza Khal Delight

Usahawan ASNAF ZAKAT PERAK

FIZA KHAIR ENTERPRISE
Hubungi: 016-401 8449

B14, Kompleks Silveritage Medan Gopeng,
Jln Sultan Nazrin Shah, Ipoh.
Pemilik: Nur Hafizatu Khairiah Abu Samah

Fb: Fiza Khal Delight Ig: khalfiza

Zakat Perak-MAIPK Maipk Official zakatperak_my

Usahawan ASNAF ZAKAT PERAK

AlaMien Studios
Hubungi: 019-567 5603
No. 50, Jln PPS Bandar Universiti Seri Iskandar, Perak.
Pemilik: Azinuddin Ramly

Fb/lg: AlaMienStudios

Zakat Perak-MAIPK Maipk Official zakatperak_my

BAHULU TRADISIONAL
Hubungi: 013-432 5526

Lorong Tok Bidin,
Kg Changkat Madrasah,
Batu Kurau Perak
Pemilik: Rusimah Katon

Fb: Rusimah Katon

Zakat Perak-MAIPK Maipk Official zakatperak_my

BUDIES DELIGHT ENTERPRISE
Hubungi: 016-369 3031

255, Lorong Guru, Kg Bahagia, Teluk Intan.
Pemilik: Rozita Bt. Ahmad

Fb: Rozita Ahmad Ig: itahmad7

Zakat Perak-MAIPK Maipk Official zakatperak_my

TACO'S

NANCHOS CHEESE
Yummy!!!
Cheese Crunchy Stick

ONE TORTILLAS
Hubungi: 013-6040 316
Lokasi: Pekan Teluk Intan
Pemilik: Mohd Rizuan Abdul Hamid

Fb / Ig: rezekl fateh

Usahawan ASNAF ZAKAT PERAK

Zakat Perak-MAIPK Maipk Official zakatperak_my

AKAK LEJEN
PRODUK ASNAF & IKS PERAK (المنتجات بلي قدر من حسنة)

SELAMAT DATANG KEDAI

AKAK LEJEN

Usahawan ASNAF ZAKAT PERAK

KEDAI AKAK LEJEN
Hubungi: 010-8026710
Lot 29, Agromall, RTC Gopeng
Pemilik: Siti Zahira Ismail

Fb: Akak Lejen Hq

Zakat Perak-MAIPK Maipk Official zakatperak_my

MAIPK LAHIRKAN USAHAWAN BERJAYA

PEMBEKAL PUYUH DAGING SEGAR
KELUARAN BUMIPUTERA

DZ FAMILY FARM
Hubungi: 012-4804 917
Jalan Maklang, Kg Repoh,
Batu Kurau, Perak
Pemilik: Mohd Azmi Bin Darus

Fb: DZ Family Farm

Usahawan ASNAF ZAKAT PERAK

Kiosk AMANJAYA

NASI LEMAK ROSNA
Hubungi: 019-474 0366
18, Jalan WM 3/1,
Bandar Behrang 2020, Perak
Pemilik: Rosna Bt. Hassan

Usahawan ASNAF ZAKAT PERAK

HUJAN SPA
Hubungi: 019-5727 937

SL11, Jln Laksamana 1,
Felcra Changkat Lada, Kg. Gajah, Perak.
Pemilik: Norazliza Ramli

Fb: Hujan Spa and Salon
ig: Hujanspaandsalon

Usahawan ASNAF ZAKAT PERAK

ECCO ADV ENTERPRISE
AERIAL PHOTOGRAPHY & VIDEOGRAPHY

MAHUKAN MENINGKAT PROMOSI PRODUK ANDA?

TERLUCU DRONE?!

ECCO ADV ENTERPRISE
Hubungi: 016-511 6434

Kabin Hijau No. 7,
Jalan Bandar Universiti 7,
Bandar Universiti, Seri Iskandar, Perak.
Pemilik: Mohd Asrul Nizam bin Mohd Yusof

Fb: EccoAdvEnt ig: eccostudio

Usahawan ASNAF ZAKAT PERAK

DimanSpa & Post Natal Care
Hubungi: 016-311 4792 / 016-518 4791
Lot 4576, Ethno Valley Resort, 34850 Taiping Perak.

Fb: Izatty Azhar ig: Izatty Azhar

DimanSpa

- URUTAN TRADISIONAL
- URUTAN ANTI STRESS
- URUTAN BERSALIN
- FACIAL TREATMENT
- LULUR HERBA
- TANGGAS/UKUP WANGI
- PENJAGAAN BERPANTANG
- PENJAGAAN WARGA EMAS
- MASAKAN BERPANTANG

Mandian Herba

www.maiamp.gov.my

www.maiamp.gov.my

Ana Aznan Mart, HUB USAHAWAN ASNAF MAIPK
Hubungi: 013-426 3712
No.11, BK 14/10 Simpang Empat Bota Kanan, 32600 Perak.
Pemborong/peruncit produk usahawan asnaf & IKS.

ANA AZNAN MART

Zakat Online FPX Zakat Perak MAIPK zakatperak_official



ZAKAT DAN BERWAKAF KEPADA MAIPk

KAEDAH BAYARAN

ZAKAT - MAIPk

- 19 Kaunter MAIPk seluruh Negeri Perak
- Amil / Perunding
- Kaunter Pos Malaysia

WAKAF PERAK AR-RIDZUAN

- 19 Kaunter MAIPk seluruh Negeri Perak
- Wakil kutipan / Amil

POTONGAN GAJI ONLINE

- epzb.maiamp.gov.my
- www.wakafperak.gov.my

SALURAN BAYARAN ONLINE

FPX melalui
<https://ezakat.maiamp.gov.my>

Agen-agen Kutipan Zakat :



JomPay :
Biller Code : 9027
Ref-1 : Nama Pembayar
Ref-2 : No. Telefon

Muat turun di Google Play & App Store



FPX melalui
www.wakafperak.gov.my

Internet Banking melalui
Maybank2u.com

EFT Akaun Maybank
558024315712
Waqaf Perak Ar-Ridzuan

JomPay :
Biller Code 29892
Ref 1 : Nombor yang dihasilkan
dari janaan pendaftaran di
www.wakafperak.gov.my

Muat turun di Google Play & App Store



مجلس اسلام دارالراہب
مکان مسجد و مساجد



PERKHIDMATAN ATAS
TALIAN MAIPk
Layari portal
<https://www.maiamp.gov.my/>

SILA IMBAS KOD
UNTUK MUAT TURUN



MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK (MAIPk)
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak.

05-208 4000

korporat@maiamp.gov.my

www.maiamp.gov.my

Zakat Perak-MAIPk

Wakaf Perak Ar-Ridzuan